**MINIT MESYUARAT**
**PUSTAKAWAN SISTEM MAKLUMAT MALAYSIA (MySyL)**
**BIL 2/2014**

| | |
|---|---|
| **Tarikh** | **: 24 September 2014** |
| **Hari** | **: Rabu** |
| **Masa** | **: 9.00 pagi - 1.00 petang** |
| **Tempat** | **: Bilik Perpaduan 3, Merdeka Palace Hotel, Kuching, Sarawak** |

**Hadir:**

Cik Sarifah Abdullah (UIAM) - Pengerusi
En. Jasmin Jaimon (Wakil – USIM)
En. Mohd Izwan Salim (UiTM)
En. Norkamarizal Kamarudin (MMU)
En. Rozman Che Ross (UPSI)
En. Mohd Najib Abdullah (UPNM)
En. Ahmad Faisal Ishak (UTHM)
En. Mohd Afiq Rusly (OUM)
En. Amirul Firdaus Zilah (UMK)
En. Mohd Asmawi Abdul Rahman (UMT)
En. Meor Mohd Arafat Mohamad Shahini (USM)
Pn. Anna Michael (UMS)
Pn. Wan Irma Wan Hamat (UNITEN)
Pn. Zanaria Saupi Udin (UM)
Pn. Korina Ibrahim (UNIMAS)
Pn. Rosnorzaini Rusli (UniSZA)
Cik Amelia Hasan (UMP)
Cik Zuraidah Darus (UUM)
Cik Sharifah Fahimah Saiyed Yeop (UTP)
En. Muizzudin Kaspol (UPM) - Setiausaha

**Tidak Hadir:**

En. Shaifol Yazam Mat (UPM)
En. Hazmir Hj. Zainal (UKM)
En. Md. Hafiz Ahmad Zulkifli (UKM)
En. Mohd Kamal Mohd Yusoff (UniKL)
En. Dzulhaile M. Bakri (UniMAP)
Pn. Haslina Nasir (UTM)
Pn. Rozana Kamdani (USIM)
Pn. Nurul Akmar Mehat (UTeM)

| Bil. Minit | Perkara | Tindakan | Tarikh |
|---|---|---|---|
| **MINIT 1.0** | **UCAPAN ALUAN** | | |
| | Pengerusi memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah, serta mengalu-alukan kedatangan Pustakawan / Pegawai Sistem ke Mesyuarat MySyL Bil 2/2014. | Makluman | |
| **MINIT 2.0** | **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MySyL 1/2014** | | |
| | Wakil UiTM mencadangkan supaya Minit Mesyuarat MySyL Bil. 1/2014 disahkan dan disokong oleh wakil UNIMAS tanpa sebarang pindaan. | Makluman | |
| **MINIT 3.0** | **PERKARA BERBANGKIT** | | |
| **3.1** | **Laporan Portal MyUniNet, MyTO dan MyULIS** | | |
| **3.1.1** | **Laporan Portal MyTO**<br>• Mesyuarat dimaklumkan bahawa:-<br>i. Sehingga 5 September 2014, sebanyak **56,452** rekod tesis telah di muat naik ke portal MyTO. Rujuk senarai rekod tesis di **lampiran 1**. | Makluman | |
| | ii. Mesyuarat bersetuju untuk menukarkan perkataan “24 Pages” pada paparan portal MyTO kepada “URL Link”, kerana tidak semua perpustakaan memasukkan pautan 24 muka surat tesis. | Pentadbir Sistem | |
| | • Mesyuarat mencadangkan supaya:-<br>i. Portal MyTO dapat dipaparkan pada semua jenis pelayar (*browser*) telefon pintar. | Pentadbir Sistem | |
| | ii. Menyediakan statistik portal MyTO yang lebih lengkap, contohya statistik akses mengikut negara. | Pentadbir Sistem | |
| | iii. Polisi pengurusan tesis di universiti masing-masing dibentangkan pada mesyuarat akan datang. | Makluman | |
| **3.2** | **Laporan Portal MyULIS**<br>• Mesyuarat telah dimaklumkan bahawa:<br>i. Sehingga 5 September 2014, sebanyak **26,247** rekod tesis telah di muat naik ke portal MyULIS. Rujuk senarai rekod bahan terbitan bersiri di | | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **lampiran 1.**<br>ii. Mesyuarat bersetuju untuk mencadangkan supaya portal MyULIS ini diberhentikan atas sebab-sebab berikut:-<br>a. Telah wujud platform baharu iaitu MALCat yang menyimpan rekod bibliografik setiap bahan di perpustakaan.<br>b. MALCat memudahkan pengguna untuk membuat carian bahan setempat.<br>c. Kesukaran untuk mengemaskini rekod bahan terbitan bersiri yang tidak mempunyai ISSN. | Makluman | |
| **3.3** | **Laporan Sistem MyUShare**<br>• Mesyuarat dimaklumkan bahawa;<br>i. Satu ujian pelaksanaan akhir telah dijalankan pada 14 Julai 2014 (Isnin), dan kesemua perpustakaan PERPUN telah menjalankan ujian tersebut .<br>ii. Sebanyak 39 rekod ujian telah dijalankan oleh pelbagai universiti.<br>iii. Beberapa cadangan penambahbaikan telah diberikan oleh wakil universiti kepada pentadbir sistem MyUShare.<br>iv. Sebahagian cadangan penambahbaikkan telah dillakukan ke dalam sistem MyUShare, manakala sebahagian lagi masih di dalam peringkat ujian dan kajian .<br>v. Penambahbaikkan yg telah dilakukan adalah:-<br>a. Pop–up/confirmation message untuk setiap transaksi.<br>b. Fungsi muat turun/muat naik fail kedalam MyUShare.<br>c. Saiz file yang boleh di muat naik telah di besarkan sehingga 10mb (+- 100 m/s)<br>d. Penambahbaikan pada interface pengguna agar lebih mudah dan mesra.<br>e. Pencarian Myto/MyUlis/MalCat boleh dilakukan di MyUShare | Makluman / Pentadbir Sistem | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | f. Sistem MyUshare akan dinaik taraf dari masa ke semasa<br>vi. Beberapa perkara yang masih di dalam peringkat ujicuba/ perbincangan adalah seperti berikut:-<br>a. Menyediakan loading text file dari EndNote, RefNote dan Mendeley<br>b. Menyediakan Plug-in MyUShare ke dalam website perpustakaan (Membenarkan pengguna minta secara terus kepada universiti peserta).<br>c. Menyediakan standard laporan berdasarkan ISO/PERPUN format.<br>vii. Mesyuarat bersetuju untuk mengadakan sesi latihan kepada semua staf yang terlibat secara langsung dalam pengendalian urusan pinjaman antara perpustakaan masing-masing.<br>viii. Universiti Malaya bertanggungjawab untuk menjadi tuan rumah bagi sesi latihan ini. Sesi latihan akan diberikan oleh pentadbir system MyUShare. | Makluman<br><br>UM dan MMU | |
| **3.4** | **Laporan MALCat**<br>• Mesyuarat dimaklumkan bahawa;<br>i. Sehingga kini **4,093,391** rekod yang telah dimuat naik ke sistem MALCat.<br>ii. Pautan portal MALCat yang terkini adalah http://malcat.uum.edu.my/kip/.<br>iii. Modul "Upload MARC" juga telah dibina pada sistem MALCat, bertujuan untuk memudahkan proses data dimuatnaik ke sistem. Wakil UUM akan memberikan "username" dan "password" kepada setiap ahli untuk urusan muat naik rekod MARC. | Makluman<br><br>UUM | |
| **MINIT 4.0** | **HAL-HAL LAIN** | | |
| **4.1** | **Altmetrics**<br>• Wakil UPM menerangkan mengenai kaedah pelaksanaan Altmetrics pada system EPrints. Mesyuarat mengambil maklum mengenai cara-cara penggunaan | | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | dan bagaimana aplikasi Altmetrics ini berfungsi. | Makluman | |
| **4.2** | **Ranking of Web Repositories**<br>• Mesyuarat mengambil maklum mengenai portal "*ranking of web repositories*". Portal ini memaparkan kedudukan repository institusi di dunia, dan merupakan salah satu *tools* untuk menentukan kedudukan ranking universiti.<br>• Ranking ini akan dikemaskini 2 kali setahun iaitu pada setiap Januari dan Julai. | Makluman | |
| **4.3** | **Persidangan Kebangsaan Perpustakaan Akademik 2015.**<br>• Wakil Universiti Malaysia Pahang telah memaklumkan kepada mesyuarat berkenaan penganjuran Persidangan Kebangsaan Perpustakaan Akademik 2015, yang dijadualkan berlangsung pada 17-18 Mac 2015.<br>• Persidangan ini juga dianjurkan bersama Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM).<br>• Semua ahli mesyuart dijemput untuk menyertai persidangan ini. | Makluman | |
| **4.4** | **Penangguhan Mesyuarat**<br>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari. | Makluman | |

Disediakan oleh :

Muizzudin Kaspol
Setiausaha

Disahkan oleh:

Sarifah Abdullah
Pengerusi